

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

BUKU PANDUAN SKIM KEMUDAHAN PERUBATAN STAF / PESARA

PENDAHULUAN

Buku Panduan Skim Kemudahan Perubatan Staf / Pesara ini dilaksanakan pemakaiannya setelah dipersetujui dari masa kesemasa oleh **Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka** tertakluk kepada seksyen 32 (1) Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Walau bagaimanapun UTeM masih juga menerima pakai **Perintah-Perintah Am Bab 'F'** dan pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) serta mematuhi Pekeliling Pentadbiran yang dikeluarkan oleh pihak universiti. Segala maklumat yang termaktub dalam buku panduan skim ini adalah tepat pada tarikh ia diterbitkan. Bagi mana-mana peraturan atau prosedur yang dikeluarkan selepas terbitan ini, pihak universiti akan memaklumkan kepada semua staf sebagai makluman.

TUJUAN

Buku Panduan Skim Kemudahan Perubatan Staf ini bertujuan menetapkan dan menerangkan segala peraturan dan peruntukan serta faedah / kemudahan perubatan bagi staf / pesara. Ia berkuatkuasa kepada semua staf / pesara yang layak menerima skim ini mengikut syarat-syarat perlantikan dan tanggungan mereka. Segala kemudahan perubatan yang disediakan oleh pihak universiti kepada staf / pesara adalah tertakluk kepada pekeliling-pekeliling semasa yang di keluarkan oleh pihak universiti. Diharap penghasilan buku ini dapat memberi panduan dan boleh menyalurkan pelbagai maklumat berkaitan kemudahan perubatan untuk manfaat semua staf / persara.

BAHAGIAN A : TAFSIRAN

1.0 TAFSIRAN

*Sumber : Pekeliling
Perkhimatan Bil.21
Tahun 2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan
– Perkara 5*

1.1 ‘Ahli Keluarga’ bermaksud :

- 1.1.1 Bagi staf lelaki, isteri-isteri dan anak-anaknya; atau
- 1.1.2 Bagi staf perempuan, suami dan anak-anaknya; atau
- 1.1.3 Balu seorang staf selagi ia tidak berkahwin semula.

*Perintah Am Bab F
(Perubatan) - Perkara 1*

1.2 ‘Anak’ bermaksud :

- 1.2.1 Anak kandung ; atau
- 1.2.2 Anak tiri ; atau
- 1.2.3 Anak Istimewa :
 - (a) Anak yang mengalami kelemahan otak atau jasmani, had umur tidak akan dipakai sama ada penyakit yang dihadapi (yang menyebabkan anak itu daif) berlaku sebelum ataupun selepas dia berusia 21 tahun dan telah diperakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- 1.2.4 Anak angkat yang sah dari segi undang-undang :
 - (a) Diperakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) & Pesuruhjaya Sumpah ; atau
 - (b) Diperakukan oleh Pesuruhjaya Sumpah sekiranya anak tersebut diambil oleh individu.

- Had kelayakan **‘Anak’** :

- i. Dibawah lapan belas (18) tahun dan belum berkahwin ; atau
- ii. Sekiranya masih belajar sepenuh masa tidak melebihi 21 tahun dan belum berkahwin ; atau
- iii. Anak yang sedang menuntut sepenuh masa di peringkat ijazah pertama dan belum berkahwin.

*Sumber : Pekeliling
Perkhimatan Bil.21 tahun
2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan –
Perkara 5*

- 1.3 **‘Balu’** bermaksud :
Isteri / isteri-isteri yang kematian suami yang merupakan staf dan selagi tidak berkahwin semula.
- 1.4 **‘Doktor Panel’** bermaksud :
Pengamal Perubatan swasta yang dilantik oleh universiti di bawah klinik panel.
- 1.5 **‘Doktor Prevet / Swasta’** bermaksud :
Seorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia.
- 1.6 **‘Hospital Kerajaan’** bermaksud :
Semua Hospital Kerajaan, Pusat Kesihatan dan Klinik Perubatan Kerajaan termasuk Pusat Perubatan Universiti.
- 1.7 **‘Hospital Swasta’** bermaksud :
Sebarang Hospital Swasta yang menyediakan khidmat kepakaran dalam bidang perubatan tertentu dan memiliki wad-wad mengikut kelasnya.

*Sumber : Surat
Pekeliling Bil. 1/1993 :
Kemudahan Rawatan
Perubatan untuk Ibu
Bapa yang Sah*

- 1.8 **‘Ibu bapa’** bermaksud :
- 1.8.1 Ibu bapa kandung; atau
- 1.8.2 Ibu bapa tiri; atau
- 1.8.3 Ibu bapa angkat yang pertaliannya sah disisi undang-undang untuk mendapatkan rawatan di Hospital Kerajaan, Pusat Kesihatan dan Klinik Perubatan Kerajaan termasuk Pusat Perubatan Universiti sahaja.

*Sumber : Pekeliling
Perkhimatan Bil.21
tahun 2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan
– Perkara 7*

Pemberian kemudahan perubatan yang dibenarkan adalah terhad kepada ibu bapa yang sah bagi pegawai yang tertakluk di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) sahaja.

*Sumber : Pekeliling
Perkhimatan Bil.21
Tahun 2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan –
Perkara 12*

- 1.9 **'Kecemasan'** bermaksud :
Sebarang rawatan yang diperlukan secara serta-merta dan tidak boleh dilengahkan bagi nyawa pesakit.
- 1.10 **'Ketua Jabatan'** bermaksud :
Naib Canselor.
- 1.11 **'Klinik Panel Perubatan dan Pergigian'** bermaksud :
Klinik swasta yang dilantik oleh universiti untuk memberi khidmat perubatan kepada staf.

*Sumber : Akta Universiti
dan Kolej Universiti
1971 (Perlembagaan
Universiti Teknikal
Malaysia Melaka)*

- 1.12 **'Kumpulan Pengurusan Tertinggi'** bermaksud :
Pihak Pengurusan Tertinggi Universiti termasuk Naib Canselor, semua Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan dan pegawai lain yang diberi kuasa sedemikian oleh Naib Canselor dengan kelulusan Lembaga Pengarah.

*Sumber : Akta
Universiti dan Kolej
Universiti 1971
(Perlembagaan
Universiti Teknikal
Malaysia Melaka)-
Perkara 16*

- .13 **'Lembaga Pengarah'** bermaksud :
Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

- .14 **'Lembaga Perubatan'** bermaksud :
Sebuah Jawatankuasa Perubatan yang ditubuhkan bagi mengkaji, mencadangkan dan membuat laporan tentang penyakit yang dihadapi oleh staf bagi menentukan kelayakan cuti atau persaraan atas sebab-sebab kesihatan.

*Sumber : Perintah Am
Bab F – Perkara 1*

- 1.15 **'Naib Canselor'** bermaksud :
Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

*Sumber : Perintah Am
Bab F – Perkara 1
(viii)*

- 1.16 **'Pegawai Perubatan'** bermaksud :
Seorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia.

1.17 '**Penyakit Kronik**' bermaksud :

Penyakit yang memerlukan rawatan berterusan selama sebulan atau lebih seperti kencing manis, darah tinggi, asma kronik, tibi dan apa-apa penyakit yang diperakukan oleh pakar perubatan berdaftar.

*Sumber : Perintah Am
Bab F – Perkara 1
(viii)*

1.18 '**Perundingan**' bermaksud :

Sebarang masa yang seseorang pesakit luar yang bukannya pesakit sebarang hospital atau yayasan perubatan kerajaan dirujukkan oleh seorang doktor prevet kepada seorang pegawai perubatan (atau doktor pergigian pada kes pergigian) untuk mendapatkan pandangan ke atas kesnya itu. Bagi kes pergigian, sebarang rujukan oleh pegawai perubatan tentang seorang pesakit yang membayar di hospitalnya kepada seorang doktor pergigian atau pakar pergigian akan dianggap perundingan juga. Apabila seseorang doktor prevet hanya meminta supaya pesakitnya dimasukkan ke dalam hospital, ini tidak dianggap perundingan.

1.19 '**Perwakilan Kuasa**' bermaksud :

Naib Canselor boleh menurunkan kuasa kepada mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

1.20 '**Pesara**' bermaksud :

Staf yang telah bersara di Bawah Akta Berpencen Badan Berkanun 1980.

1.21 '**Staf**' bermaksud :

1.21.1 Staf yang dilantik secara tetap ; atau

1.21.2 Sementara ;

1.21.3 Kontrak - Warganegara ; atau

1.21.4 Kontrak - Bukan Warganegara.

Sumber : Surat
Pekeliling
Perkhidmatan Bil.
6/2010 – Perkara 8

- (a) Ahli keluarga yang layak :
 - i. Seorang suami atau isteri; atau
 - ii. Tiga (3) orang anak yang berusia 18 tahun ke bawah yang diistiharkan oleh Ketua Jabatan.
- (b) Kemudahan perubatan yang ditanggung oleh universiti adalah terhad kepada kemudahan yang disediakan oleh Hospital Kerajaan, Pusat Kesihatan dan Klinik Perubatan Kerajaan termasuk Pusat Perubatan Universiti sahaja (tidak termasuk Institut Jantung Negara Sdn. Bhd) ; dan
- (c) Kemudahan **tidak** meliputi penyakit yang telah dihadapi oleh ahli keluarga atau Staf Kontrak Bukan Warganegara sebelum dilantik dalam perkhidmatan. Oleh itu, Ketua Jabatan perlu memastikan ahli keluarga bagi pegawai berkenaan menjalani pemeriksaan kesihatan dengan pengamal perubatan/pergigian berdaftar.

1.22 **'Suami isteri'** bermaksud :

Suami bagi staf wanita dan isteri / atau isteri-isteri bagi staf lelaki.

1.23 **Tanggungannya'** bermaksud :

Suami bagi staf wanita dan isteri atau isteri-isteri bagi staf lelaki, anak dan ibu bapa.

2.0 SUMBER RAWATAN

2.1 Staf universiti dan tanggungannya yang layak termasuk staf yang sedang cuti belajar, berkursus di dalam negeri layak mendapatkan kemudahan rawatan ditempat berikut :

2.1.1 Hospital / Klinik Kerajaan ;

2.1.2 Pusat Perubatan Universiti ;

2.1.3 Klinik Panel Perubatan ; dan

2.1.4 Klinik Panel Pergigian.

BAHAGIAN B : KEMUDAHAN RAWATAN HOSPITAL KERAJAAN / PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI

1.0 KELAYAKAN

- 1.1 Staf ;
- 1.2 Suami / Isteri ;
- 1.3 Anak ;
- 1.4 Ibu bapa ;
 - 1.4.1 Ibu bapa yang **bermastautin** di Malaysia sahaja ; dan
 - 1.4.2 Pemberian kemudahan kepada ibu bapa dibenarkan kepada staf masih di dalam perkhidmatan sahaja.
- 1.5 Balu ; dan
- 1.6 Pesara.
 - 1.6.1 Suami / isteri-isteri pesara ; dan
 - 1.6.2 Anak-anak pesara yang di takrifkan sebagai '**Anak**'.

2.0 RAWATAN YANG DITANGGUNG

2.1 Semua perkhidmatan rawatan di Hospital Kerajaan.

2.2 Permohonan **pembekalan ubat**.

2.2.1 Syarat pembekalan ubat :

- (a) Perbelanjaan pembekalan ubat perlu diperaku oleh Pegawai Perubatan Kerajaan yang tidak dapat dibekalkan oleh Hospital Kerajaan dengan syarat ubat disenaraikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia / Pusat Perubatan Universiti ;

*Sumber : Pekeliling
Perkhimatan Bil.21
Tahun 2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan
– Bahagian B Perkara 1*

- (b) Ubat yang tidak disenaraikan di dalam senarai ubat-ubatan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Perubatan Universiti perlu mendapatkan kelulusan daripada Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia bagi rawatan yang diperolehi di hospital / klinik dibawah Kementerian Kesihatan Malaysia atau Pengarah Pusat Perubatan Universiti bagi rawatan yang diperolehi di Pusat Perubatan Universiti ; dan
- (c) Keperluan penggunaan pembekalan ubat bagi sesuatu tempoh yang panjang adalah dibenarkan dengan kelulusan Ketua Jabatan tetapi had perbelanjaan hanya untuk tempoh tiga (3) bulan sahaja bagi setiap permohonan.

*Sumber : Pekeliling
Perkhimatan Bil.21
Tahun 2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan –
Bahagian C Perkara 1*

2.3 Permohonan **Pembekalan alat.**

2.3.1 Syarat pembekalan alat :

- (a) Kos yang ditanggung tertakluk kepada harga / alat yang disokong dan diperaku oleh Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia ;
- (b) Sebarang kemusykilan mengenai justifikasi keperluan pengesahan, spesifikasi, harga alat perlu dikemukakan kepada Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia untuk ulasan / sokongan ; dan
- (c) Pembekalan / penggantian / baikpulih alat yang melebihi **RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu)** hendaklah direkodkan dalam **Buku Perkhidmatan Kerajaan / fail pesara.**

*Sumber : Pekeliling
Perkhimatan Bil.21
Tahun 2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan –
Bahagian C Perkara 2*

2.3.2 Jenis – jenis alat :

(a) Alat Ortopedik

- i. Pembekalan alat ortopedik yang berharga **sehingga RM10,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ribu)** boleh diluluskan oleh **Ketua Jabatan** tanpa sokongan / perakuan Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- ii. Pembekalan alat ortopedik yang berharga **melebihi daripada RM10,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ribu)** hendaklah **dirujuk** untuk sokongan / perakuan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia **terlebih dahulu** sebelum boleh diluluskan oleh **Ketua Jabatan**.

*Sumber : Pekeliling
Perkhimatan Bil.21
Tahun 2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan –
Bahagian C Perkara 3*

(b) Pembekalan Anggota Palsu

- i. Pembekalan anggota palsu boleh dipertimbangkan oleh Ketua Jabatan **tanpa** mendapatkan perbandingan harga melalui surat sebut harga daripada Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan Orang Kurang Upaya, Bangi ;
- ii. Permohonan perbelanjaan untuk pembekalan anggota palsu adalah tertakluk kepada harga siling seperti yang ditetapkan di **Jadual 1** berikut :

Jadual 1 : Harga Siling Bagi Permohonan

Perbelanjaan Untuk Pembekalan Anggota Palsu Jenis Amputasi	Harga Siling (RM)
Amputasi bawah lutut	5,000.00
Amputasi paras lutut	10,000.00
Amputasi atas lutut	10,000.00
Amputasi 'through hip'	15,000.00

- iii. Pembekalan anggota palsu yang berharga **sehingga harga siling** yang ditetapkan di **Jadual 1** boleh diluluskan oleh **Ketua Jabatan** tanpa sokongan / perakuan Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- iv. Pembekalan anggota palsu yang berharga **melebihi daripada harga siling** yang ditetapkan di **Jadual 1** hendaklah **dirujuk** untuk sokongan / perakuan Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia **terlebih dahulu** sebelum boleh diluluskan oleh **Ketua Jabatan**.

*Sumber : Pekeliling
Perkhimatan Bil.21
tahun 2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan –
Bahagian C Perkara 4*

- (c) Pembekalan Kerusi Roda
 - i. Permohonan perbelanjaan untuk pembekalan kerusi roda adalah tertakluk kepada harga siling seperti yang ditetapkan di **Jadual 2** berikut :

Jadual 2 : Harga Siling Bagi Permohonan

Perbelanjaan Untuk Pembekalan Kerusi Roda Jenis Kerusi Roda	Harga Siling (RM)
<i>Standard wheelchair</i>	400.00
<i>Semilight weight wheelchair</i>	1,500.00
<i>Reclining wheelchair</i>	1,500.00
<i>Light weight wheelchair</i>	2,000.00
<i>Tilt-in-space wheelchair</i>	3,000.00
<i>Motorized wheelchair</i>	7,000.00

- ii. Pembekalan kerusi roda yang berharga **sehingga harga siling** yang ditetapkan di **Jadual 2** boleh diluluskan oleh **Ketua Jabatan** tanpa sokongan / perakuan Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia ; dan
 - iii. Pembekalan kerusi roda yang berharga **melebihi daripada harga siling** yang ditetapkan di **Jadual 2** hendaklah **dirujuk** untuk sokongan / perakuan Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia **terlebih dahulu** sebelum boleh diluluskan oleh **Ketua Jabatan**.
- (d) Alat Bantu Pendengaran
- i. Pembekalan alat bantu pendengaran yang berharga **sehingga RM3,500.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Lima Ratus)** bagi **setiap unit (per piece)** boleh diluluskan oleh **Ketua Jabatan** tanpa sokongan / perakuan Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia;
 - ii. Pembekalan alat bantu pendengaran yang berharga **melebihi daripada RM3,500.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Lima Ratus)** bagi **setiap unit (per piece)** hendaklah **dirujuk** untuk sokongan / perakuan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia **terlebih dahulu** sebelum boleh diluluskan oleh **Ketua Jabatan** ; dan
 - iii. Penggunaan alat bantu pendengaran **kali pertama**, harga siling bagi **setiap unit (per piece)**, adalah **termasuk kos bagi acuan telinga dan bateri**.

Sumber : Pekeliling
Perkhimatan Bil.21
Tahun 2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan –
Bahagian C Perkara 6

- (e) Pembekalan Alat Rawatan Jantung, Alat Bantu Pernafasan, Koklea Implan, 'Colostomy Bag', 'Urine Bag' dan 'Intraocular Lens'.
- i. Pembekalan alat berkenaan boleh diluluskan oleh **Ketua Jabatan** tanpa sokongan / perakuan Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sumber : Pekeliling
Perkhimatan Bil.21
Tahun 2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan –
Bahagian C Perkara 7

- (f) Pembekalan Alat-alat Lain
- i. Pembekalan alat selain dari alat ortopedik, anggota palsu, kerusi roda, alat bantu pendengaran, alat rawatan jantung, alat bantu pernafasan, koklea implan, 'colostomy bag', 'urine bag' dan 'intraocular lens' adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap prinsip-prinsip berikut :
- Alat / implan yang diperlukan sekiranya tidak digunakan boleh memudaratkan nyawa pesakit ; atau
 - Alat yang diperlukan tidak mempunyai alternatif dalam rawatan penyakit atau kecederaan yang dialami.
- ii. Perkara seperti di perenggan (f) i di atas hendaklah disahkan oleh pegawai / pakar perubatan Kerajaan ;
- iii. Pembekalan alat selain dari alat ortopedik, anggota palsu, kerusi roda, alat bantu pendengaran, alat rawatan jantung, alat bantu pernafasan, koklea implan, 'colostomy bag', 'urine bag' dan 'intraocular lens' yang berharga **sehingga RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu)** boleh diluluskan oleh **Ketua Jabatan** tanpa sokongan / perakuan Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia ; dan

- iv. Pembekalan alat selain dari alat ortopedik, anggota palsu, kerusi roda, alat bantu pendengaran, alat rawatan jantung, alat bantu pernafasan, koklea implan, *colostomy bag*, *urine bag* dan *intraocular lens* yang berharga **melebihi daripada RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu)** hendaklah **dirujuk** untuk sokongan / perakuan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia **terlebih dahulu** sebelum boleh diluluskan oleh **Ketua Jabatan.**

*Sumber : Pekeliling
Perkhidmatan Bil.21
Tahun 2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan –
Bahagian D*

2.4 Perkhidmatan Perubatan.

- 2.4.1 Permohonan perbelanjaan bagi perkhidmatan perubatan ‘*Computed Tomography Scan*’ (CT Scan) dan ‘*Magnetic Resonance Imaging*’ (MRI) boleh dipertimbangkan dengan syarat pegawai / pakar perubatan kerajaan memperakukan keperluan perkhidmatan perubatan tersebut dan mengesahkan bahawa ia tidak dapat dibekal / disediakan oleh hospital / klinik kerajaan ; dan
- 2.4.2 Permohonan perbelanjaan bagi perkhidmatan perubatan selain daripada (CT Scan) dan (MRI) hendaklah dikemukakan untuk sokongan / perakuan Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sumber : Pekeliling
Perkhidmatan Bil.21
tahun 2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan –
Bahagian E

- 2.5 Permohonan Perbelanjaan Rawatan Penyakit Buah Pinggang (Hemodialysis / CAPD)
- 2.5.1 Rawatan hemodialisis dan ‘*Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis*’ (CAPD) yang tidak dapat dibekal oleh Hospital Kerajaan boleh dipertimbangkan dengan syarat bahawa Pakar Nefrologi Kerajaan memperakukan keperluan rawatan berkenaan dan mengesahkan ia tidak dapat dibekal oleh Hospital Kerajaan.
- 2.5.2 Rawatan hemodialisis yang tidak dapat dibekal oleh Hospital Kerajaan adalah terhad kepada **perbelanjaan rawatan** sahaja. **Had maksimum sebanyak RM200.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus) bagi setiap sesi rawatan.**
- 2.5.3 Pembekalan ubat atau alat atau ujian lain yang berkaitan dengan rawatan penyakit buah pinggang adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 serta panduan-panduan pelaksanaan yang berkaitan.
- 2.5.4 Perbelanjaan yang telah dibuat di hospital / klinik swasta **sebelum** tarikh mendaftar dan disahkan menghidapi penyakit *end stage renal failure* oleh Pakar Nefrologi / Pegawai Perubatan di hospital / klinik kerajaan **tidak** boleh dipertimbangkan.
- 2.5.5 Pembekalan ubat dan alat pakai buang bagi rawatan (CAPD) boleh dipertimbangkan jika ia diperakukan tidak dapat dibekalkan oleh Hospital Kerajaan.

- 2.5.6 Perakuan dan pengesahan Pakar Nefrologi Kerajaan hanya perlu dikemukakan kepada **Ketua Jabatan** semasa permohonan kali pertama sahaja.
- 2.5.7 Pembedahan ‘*Arterio-Venous Fistula*’ (AVF) di hospital / klinik swasta boleh dipertimbangkan sekiranya Pakar Nefrologi Kerajaan merujuk pesakit supaya menjalani pembedahan tersebut di hospital / klinik swasta berdasarkan faktor-faktor berikut :
- (a) Kelewatan menunggu giliran pembedahan (AVF) yang keterlaluhan di Hospital Kerajaan ; atau
 - (b) Pembedahan (AVF) pertama gagal; atau
 - (c) Kemahiran pembedahan (AVF) di hospital / klinik swasta adalah lebih baik berbanding di hospital / klinik kerajaan.

*Sumber : Pekeliling
Perkhimatan Bil.21
Tahun 2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan –
Bahagian F*

2.6 Rawatan Kemandulan.

- 2.6.1 Rawatan kemandulan yang dibenarkan adalah rawatan yang bertujuan untuk mengatasi ‘*primary infertility*’ sahaja, iaitu bagi staf / pasangan yang tidak pernah mengandung dan menghadapi kesukaran untuk mengandung.

- 2.7 Staf dan tanggungan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan memerlukan rawatan diluar kawasan melebihi dua puluh lima (25) km boleh menuntut kelayakannya seolah-olah staf dalam perjalanan kerana urusan rasmi diluar kawasan. Kos yang ditanggung adalah mengikut kelayakannya seperti berikut :

- 2.7.1 Kos rawatan di Hospital Kerajaan ;
- 2.7.2 Perbelanjaan bagi seorang pengiring dan diperakukan oleh Pegawai Kerajaan kecuali **pesara** ; dan
- 2.7.3 Kos sara hidup untuk pesakit dan pengiring kecuali **pesara**.
(*elaun makan, elaun penginapan, tambang pergi balik*)

- 2.8 Tambang perjalanan bagi pesakit dan / atau pengiring mengikut kelayakan.
- 2.9 Rawatan Bersalin.
- 2.10 Rawatan Pergigian.
- 2.11 Kos rawatan termasuk bayaran wad bagi staf dan tanggungan yang dimasukkan ke dalam Hospital Kerajaan kerana mengidap penyakit jiwa, kusta, tibi atau barah.
- 2.12 Pemeriksaan kesihatan bagi staf 40 tahun dan ke atas yang masih berkhidmat dan **tidak termasuk pesara** :
 - 2.12.1 Pemeriksaan boleh dibuat di Klinik Kesihatan Kerajaan sahaja.
 - 2.12.2 Syarat-syarat pemeriksaan :
 - (a) Kemudahan ini diberikan kepada staf yang berumur 40 tahun dan ke atas sahaja ;
 - (b) Pemeriksaan ini tidak diwajibkan tetapi sangat digalakkan ;
 - (c) Pemeriksaan dibuat secara pemeriksaan luar ;
 - (d) Staf yang telah dan sedang menjalani rawatan perubatan atau pemeriksaan kesihatan dalam program tertentu tidak perlu menggunakan kemudahan ini ;
 - (e) Staf tidak perlu mengambil cuti rehat bagi menjalani pemeriksaan ini ;
 - (f) Pemeriksaan ini tidak dikenakan sebarang bayaran ; dan
 - (g) Pegawai tidak dibenarkan menuntut sebarang apa-apa elaun kemudahan bagi tujuan pemeriksaan ini.

*Sumber : Pekeliling
Perkhidmatan Bil.
3/2003 : Pemeriksaan
Kesihatan bagi Pegawai
Perkhidmatan Awam*

*Sumber : Akta Universiti dan
Kolej Universiti 1971
(Perlembagaan Universiti
Teknikal Malaysia Melaka)-
Perkara 20*

*Sumber : Surat JPA No.Rujukan
; JPA (S) 215/13 (13)*

- 2.12.3 Pemeriksaan yang dijalankan seperti berikut :
- (a) Pemeriksaan fizikal ;
 - (b) Ujian makmal (glukosa, darah dan Lipid Serum) ;
 - (c) Pemeriksaan pergigian ; dan
 - (d) Pemeriksaan lain yang ditentukan oleh pegawai perubatan yang memeriksa (jika perlu).
- 2.12.4 Hasil pemeriksaan akan diberitahu staf dan akan dimaklumkan sekiranya perlu pemeriksaan lanjutan.
- 2.12.5 Kerajaan memutuskan supaya staf di dalam **Kumpulan Pengurusan Tertinggi diwajibkan** menjalani pemeriksaan kesihatan pada setiap tahun.

3.0 RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG SEMASA MENDAPATKAN RAWATAN

- 3.1 Pembekalan makanan tambahan (*food supplement*) atau **perubatan alternatif** walaupun disokong oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.
- 3.2 Pembekalan alat yang **tidak ditanggung** adalah :
- 3.2.1 Semua jenis / kategori alat kepada ibu bapa yang sah ;
 - 3.2.2 Bagi tujuan baikpulih atau penggantian alat yang rosak akibat kecuaiian ;
 - 3.2.3 Bagi pembekalan / penggantian / baikpulih alat bagi tujuan kosmetik ; dan
 - 3.2.4 Pembekalan / penggantian / baikpulih alat bagi tujuan selain daripada tujuan rawatan kepada penyakit yang dihadapi.

- 3.3 Pemohonan alat pendengaran bagi tujuan **menggantikan bateri**.
- 3.4 Permohonan perbelanjaan untuk pembekalan **alat pakai buang**.
- 3.5 Permohonan perbelanjaan bagi rawatan kemandulan seperti berikut adalah **tidak tanggung** :
 - 3.5.1 Rawatan untuk menjalani proses mengandung **secara bukan semulajadi** seperti proses '*In Vitro Fertilisation*' (IVF), '*Gamete Intra-Fallopian Transfer* (GIFT), '*Intra Cytoplasmic Sperm Injection*' (ICSI) dan sebagainya ; dan
 - 3.5.2 Rawatan untuk mengatasi '*secondary infertility*' iaitu :
 - (a) Staf / pasangan sudahpun mempunyai anak tetapi gagal mendapat anak yang kedua atau seterusnya ; dan
 - (b) Staf / pasangan pernah mengandung tetapi telah mengalami keguguran ;
 - (c) Sebarang rawatan sampingan seperti '*hysterosasphingogram*' (HSG), *X-ray* atau pembedahan yang dijalankan di hospital / klinik swasta atas rujukan oleh pegawai/ pakar perubatan hospital/ klinik Kerajaan / Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat bahawa kemudahan perubatan tersebut disahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia tidak dapat dibekal/ disediakan oleh hospital / klinik kerajaan.
- 3.6 Pembekalan semua jenis / kategori alat untuk ibu bapa.
- 3.7 Rawatan bagi pencegahan penyakit untuk ibu bapa.
- 3.8 Rawatan perubatan dan pembedahan dengan tujuan ritual dan kosmetik seperti rawatan jerawat, berkhatan dan lain-lain.

- 3.9 Pembelian cermin mata / kanta lekap.
- 3.10 Rawatan perubatan luar negeri untuk ibu bapa.
- 3.11 Rawatan Pergigian yang **tidak ditanggung** :
 - 3.11.1 Membuat '*crowning*';
 - 3.11.2 Membuat gigi palsu ;
 - 3.11.3 Penampalan yang dibuat menggunakan logam yang mahal ;
dan
 - 3.11.4 Rawatan ortodontik bagi tujuan '*corrective measures*' yang merupakan rawatan kecantikan.

4.0 SURAT JAMINAN PERUBATAN ATAU '*GUARANTEE LETTER*' (GL)

- 4.1 Staf atau tanggungannya yang ingin mendapatkan rawatan di Hospital Kerajaan, Klinik Kerajaan, Pusat Perubatan Universiti atau rawatan jantung di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. dikehendaki mengemukakan Surat Jaminan Perubatan atau '*Guarantee Letter*' yang menyatakan :
 - 4.1.1 Nama staf ;
 - 4.1.2 Jawatan ;
 - 4.1.3 Gaji ;
 - 4.1.4 Nombor pekerja dan kad pengenalan ; dan
 - 4.1.5 Nama pesakit serta no. kad pengenalan / sijil kelahiran tanggungan (jika yang memerlukan rawatan adalah tanggungannya)

- 4.2 Surat Jaminan Perubatan atau ‘*Guarantee Letter*’ perlu ditandatangani oleh staf bagi membenarkan potongan gaji untuk menjelaskan apa-apa bayaran yang dikenakan.
- 4.3 Surat Jaminan tersebut hanyalah boleh dikeluarkan oleh **Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.**

5.0 KELAYAKAN WAD

- 5.1 Kelayakan wad staf adalah mengikut kelas matagaji. Berikut adalah kelayakan kelas mengikut gred perjawatan :

KELAYAKAN KELAS

GRED	KATEGORI WAD
45 - JUSA	Kelas Pertama Bilik Seorang
41- 44	Kelas Pertama Bilik Berdua
18 - 40	Kelas Pertama Bilik Bertiga
1 - 17	Kelas Kedua

*Sumber : Pekeliling
Perkhidmatan Bil.4/2010
– Perkara 8*

- 5.2 Jika staf atau pesara atau ahli keluarga atau ibu bapa yang sah meminta dimasukkan ke dalam wad yang lebih tinggi dari kelayakannya, maka staf atau pesara berkenaan akan dikehendaki membayar bayaran wad mengikut kadar yang dikenakan kepada orang awam.
- 5.3 Staf dan pesara juga dikehendaki membayar deposit sebelum dimasukkan ke wad yang **lebih tinggi** mengikut kadar yang ditetapkan.

6.0 BORANG YANG BERKAITAN

- 6.1 Borang Permohonan Kemudahan Perubatan Bagi Ubat / Alat / Perkhidmatan Perubatan / Rawatan (Borang Perubatan 1/09)

BAHAGIAN C : KEMUDAHAN RAWATAN HOSPITAL / KLINIK SWASTA

1.0 KELAYAKAN

- 1.1 Staf ;
- 1.2 Suami / Isteri ;
- 1.3 Anak ;
- 1.4 Ibu bapa ;
 - 1.4.1 Ibu bapa yang **bermastautin** di Malaysia sahaja
 - 1.4.2 Pemberian kemudahan kepada ibu bapa dibenarkan kepada staf masih di dalam perkhidmatan sahaja.
- 1.5 Balu ; dan
- 1.6 Pesara.

2.0 RAWATAN KEPAKARAN

- 2.1 Permohonan perbelanjaan bagi rawatan kepakaran di hospital swasta boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat bahawa :
 - 2.1.1 Keperluan rawatan kepakaran diperakukan oleh Pakar Perubatan Kerajaan ; dan
 - 2.1.2 Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia mengesahkan rawatan kepakaran yang diperlukan tidak dapat dibekal / disediakan oleh hospital Kerajaan.
- 2.2 Kos yang ditanggung oleh universiti adalah seperti berikut :
 - 2.2.1 Kos rawatan di hospital swasta ;
 - 2.2.2 Bayaran makanan sebanyak 80% sekiranya ia dicaj secara berasingan daripada bayaran wad ;

*Sumber : Pekeliling
Perkhimatan Bil.21
Tahun 2009 :
Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan
– Bahagian G*

2.2.3 Bayaran wad sebanyak 80% sekiranya ia dicaj secara berasingan dengan bayaran makanan berdasarkan kelayakan seperti yang ditetapkan di **Jadual 3** berikut :

Jadual 3 : Kelayakan Wad Hospital Swasta

Kelayakan Wad Hospital Swasta Kumpulan Perkhidmatan	Kelas Wad Hospital Swasta
Pengurusan Tertinggi	Kelas Satu Bilik Seorang (Bilik Biasa)
Pengurusan & Profesional	Kelas Satu Bilik Dua Orang
Sokongan	Kelas Satu Bilik Empat Orang

2.2.4 Sekiranya bayaran makanan dan bayaran wad dicaj secara bersekali, kos yang akan ditanggung oleh Kerajaan bagi maksud bayaran makanan dan bayaran wad adalah sebanyak 80% daripada jumlah keseluruhan bayaran makanan dan bayaran wad tersebut.

2.3 Kos yang ditanggung oleh **staf / pesara** adalah seperti berikut :

2.3.1 Bayaran wad yang melebihi daripada kelayakan seperti yang ditetapkan di **Jadual 3** di atas ;

2.3.3 Bayaran makanan sebanyak 20% sekiranya ia dicaj secara berasingan daripada bayaran wad ;

2.3.4 Bayaran wad sebanyak 20% sekiranya ia dicaj secara berasingan dengan bayaran makanan berdasarkan kelayakan seperti yang ditetapkan di **Jadual 3** di atas ;

- 2.3.5 Sekiranya bayaran makanan dan bayaran wad dicaj secara bersekali, kos yang akan ditanggung oleh staf / pesara bagi maksud bayaran makanan dan bayaran wad adalah sebanyak 20% daripada jumlah keseluruhan bayaran makanan dan bayaran wad tersebut; dan
- 2.3.6 Bayaran-bayaran lain seperti bayaran makanan di luar daripada komponen caj wad yang biasa, telefon, dobi, caj katil kepada pengiring dan sebagainya.
- 2.4 Permohonan perbelanjaan bagi rawatan susulan di hospital swasta boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia mengesahkan rawatan tersebut tidak dapat dibekal/ disediakan oleh hospital / klinik Kerajaan.
- 2.5 Borang yang berkaitan :
- 2.5.1 Borang Permohonan Kemudahan Perubatan Bagi Ubat / Alat / Perkhidmatan Perubatan / Rawatan **(Borang Perubatan 1/09)**.

3.0 RAWATAN DI INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN. BHD. (IJNSB)

*Sumber : Pekeliling
Perkhidmatan Bil.21
Tahun 2009 :
Peraturan Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan
– Bahagian H*

- 3.1 Permohonan perbelanjaan bagi rawatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat bahawa pesakit telah mendapat rawatan di Hospital / Klinik Kerajaan atau swasta dan dirujuk oleh Pakar Perubatan Umum (*Physician*) / Pakar Kardiologi di hospital / klinik kerajaan atau swasta ke Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. ;

- 3.2 Bagi staf atau pesara atau ahli keluarga mereka yang berkelayakan yang mendapatkan rawatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. dalam keadaan kecemasan, prosedur permohonan perbelanjaan bagi rawatan kecemasan hendaklah dipatuhi ;
- 3.3 Staf atau pesara atau ahli keluarga mereka yang berkelayakan yang dimasukkan ke wad perlu mengemukakan Surat Jaminan Perubatan (GL) atau wang cagaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. mengikut kadar seperti di **Jadual 4** berikut :

Jadual 4 : Jumlah Cagaran Bagi Kemudahan Perubatan di IJNSB

Jumlah Cagaran Bagi Kemudahan Perubatan Di IJNSB Kategori Wad	Jumlah Cagaran (RM)
Kelas I Bilik Satu Katil	100.00
Kelas I Bilik Dua Katil	80.00
Kelas II Bilik Dua Katil	60.00
Kelas II Bilik Lima Katil	30.00
Kelas III	Percuma

*Sumber : Surat JPA
Nombor Rujukan JPA
(SARAAN) (S)
264/15/16 – 4 Jld.8
(60) bertarikh 21 April
2010-pindaan
berkuatkuasa pada 1
November 2009*

- 3.4 Permohonan hendaklah mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam 'Panduan Mengenai Kemudahan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. Bagi Pelbagai Golongan Pesakit Di Bawah Tanggungan Kerajaan Persekutuan - Kemudahan Perubatan Bagi Pegawai Kerajaan'.
- 3.5 Setiap permohonan rawatan kesihatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. untuk pertama kali perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia.

3.6 Borang yang berkaitan :

3.6.1 Borang Permohonan Kemudahan Perubatan Bagi Ubat / Alat / Perkhidmatan Perubatan / Rawatan (**Borang Perubatan 1/09**).

4.0 RAWATAN KECEMASAN

*Sumber : Pekeliling
Perkhidmatan Bil.21
Tahun 2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan
– Bahagian I*

4.1 Permohonan perbelanjaan bagi rawatan kecemasan di hospital / klinik swasta yang berhampiran dengan tempat kejadian kecemasan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat bahawa rawatan yang diperolehi adalah merupakan **rawatan yang diperlukan secara serta-merta dan tidak boleh dilengahkan bagi menyelamatkan nyawa pesakit (life-threatening)** dan status kecemasan berkenaan hendaklah disahkan oleh pakar perubatan hospital / klinik swasta yang merawat pesakit.

4.2 Sekiranya jarak di antara tempat kejadian kecemasan dengan hospital / klinik swasta dan hospital / klinik kerajaan adalah sama, pesakit hendaklah mendapatkan rawatan di hospital / klinik kerajaan.

4.3 Kos yang ditanggung oleh universiti adalah seperti berikut :

4.3.1 Kos rawatan bagi tempoh kecemasan sehingga tempoh pesakit stabil dan boleh dipindahkan ke hospital/ klinik kerajaan ;

4.3.2 Bayaran makanan sebanyak 80% sekiranya ia dicaj secara berasingan daripada bayaran wad ;

4.3.3 Bayaran wad sebanyak 80% sekiranya ia dicaj secara berasingan dengan bayaran makanan berdasarkan kelayakan seperti yang ditetapkan di **Jadual 5** berikut :

Jadual 5 : Kelayakan Wad Hospital Swasta

Kumpulan Perkhidmatan	Kelas Wad Hospital Swasta
Pengurusan Tertinggi	Kelas Satu Bilik Seorang (Bilik Biasa)
Pengurusan & Profesional	Kelas Satu Bilik Dua Orang
Sokongan	Kelas Satu Bilik Empat Orang

4.3.4 Sekiranya bayaran makanan dan bayaran wad dicaj secara bersekali, kos yang akan ditanggung oleh Kerajaan bagi maksud bayaran makanan dan bayaran wad adalah sebanyak 80% daripada jumlah keseluruhan bayaran makanan dan bayaran wad tersebut.

4.4 Kos yang ditanggung oleh **staf / pesara** adalah seperti berikut :

4.4.1 Bayaran wad yang melebihi daripada kelayakan seperti yang ditetapkan di **Jadual 5** di atas ;

4.4.2 Bayaran makanan sebanyak 20% sekiranya ia dicaj secara berasingan daripada bayaran wad ;

4.4.3 Bayaran wad sebanyak 20% sekiranya ia dicaj secara berasingan dengan bayaran makanan berdasarkan kelayakan seperti yang ditetapkan di **Jadual 5** di atas ;

4.4.4 Sekiranya bayaran makanan dan bayaran wad dicaj secara bersekali, kos yang akan ditanggung oleh staf / pesara bagi

maksud bayaran makanan dan bayaran wad adalah sebanyak 20% daripada jumlah keseluruhan bayaran makanan dan bayaran wad tersebut; dan

4.4.5 Bayaran-bayaran lain seperti bayaran makanan di luar daripada komponen caj wad yang biasa, telefon, dobi, caj katil kepada pengiring dan sebagainya.

4.5 Permohonan perbelanjaan bagi rawatan kecemasan hendaklah disertakan dengan laporan klinikal terperinci daripada pakar perubatan hospital / klinik swasta yang merawat pesakit.

5.0 BORANG-BORANG YANG BERKAITAN

5.1 Borang Permohonan Kemudahan Perubatan Bagi Rawatan Kecemasan Di Hospital / Klinik Swasta (**Borang Perubatan 2/09**).

BAHAGIAN D : KEMUDAHAN RAWATAN DI LUAR NEGARA

1.0 KELAYAKAN

- 1.1 Staf ;
- 1.2 Suami / Isteri ;
- 1.3 Anak ;
- 1.4 Balu ; dan
- 1.5 Pesara.

2.0 SYARAT-SYARAT PERATURAN

- 2.1 Rawatan di luar negara tertakluk kepada Perintah Am Bab F, Para 7 Tahun 1974 :

*Sumber : Pekeliling
Perkhimatan Bil.21
Tahun 2009 : Peraturan
Permohonan
Perbelanjaan
Kemudahan Perubatan –
Bahagian J*

- 2.1.1 Staf / pesara / ahli keluarga yang berkelayakan disahkan oleh sebuah Lembaga Perubatan sebagai memerlukan rawatan khas yang tidak dapat diperolehi di dalam Negara ;
 - 2.1.2 Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia memperakukan bahawa rawatan khas yang diperlukan oleh pesakit tiada pada Kerajaan ; dan
 - 2.1.3 Permohonan dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jemaah Pegawai Bagi Rawatan Luar Negara yang dianggotai oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sebagai Pengerusi serta Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Pengarah Kesihatan sebagai Ahli.
- 2.2 Permohonan perbelanjaan bagi pengiring boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat bahawa keperluan pengiring diperakukan oleh Lembaga Perubatan.
- 2.3 Kos yang ditanggung oleh **Kerajaan** adalah seperti berikut :
- 2.3.1 Kos rawatan di hospital ;
 - 2.3.2 Kos sara hidup (makan dan sewa hotel / lojing) untuk tempoh tidak melebihi lima (5) hari setelah sampai di negara berkenaan dan tidak melebihi lima (5) hari sebelum kembali ke Malaysia bagi pesakit (dan pengiring, sekiranya diperakukan oleh Lembaga Perubatan) ; dan
 - 2.3.3 Tambang kapal terbang kelas ekonomi bagi perjalanan pergi dan balik bagi pesakit (dan pengiring, sekiranya diperakukan oleh Lembaga Perubatan).

2.4 Kos yang ditanggung oleh **staf / pesara** adalah seperti berikut :

2.4.1 Bayaran-bayaran lain seperti bayaran makanan di luar daripada komponen caj wad yang biasa, telefon, dobi, caj katil kepada pengiring dan sebagainya.

2.5 Kemudahan rawatan di luar negeri adalah **tidak dibenarkan** kepada ibu bapa staf.

3.0 BORANG BERKAITAN :

3.1 Borang Permohonan Kemudahan Perubatan Bagi Rawatan Di Luar Negeri (**Borang Perubatan 3/09**)

BAHAGIAN E : KEMUDAHAN RAWATAN KLINIK PANEL PERUBATAN DAN PERGIGIAN UNIVERSITI

1.0 KELAYAKAN

- 1.1 Staf ;
- 1.2 Suami / isteri ; dan
- 1.3 Anak.

2.0 PERLANTIKAN KLINIK PANEL

2.1 Di bawah skim ini, Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah melantik beberapa klinik swasta sebagai Klinik Panel Universiti (UTeM).

2.2 Lantikan sesebuah klinik swasta sebagai Klinik Panel itu berdasarkan reputasi klinik itu sendiri. Jika klinik tersebut mempunyai cawangan, cawangannya itu dianggap sebagai sebuah klinik panel yang berasingan dan **tidak secara automatik** menjadi Klinik Panel

Universiti. Urusan perlantikannya ke dalam panel (jika berkaitan) akan dibuat secara berasingan.

3.0 KLINIK PANEL

*Sumber : Surat Edaran
Pentadbiran Bil.14/2010
: Pemakluman
Penambahbaikan garis
Panduan Klinik Panel
UTeM – Perkara 3 iii)*

3.1 Klinik Panel Perubatan

3.1.1 Staf dibenarkan mendapatkan rawatan di semua Klinik Panel Perubatan.

3.1.2 Sekiranya staf memerlukan rawatan sedangkan ianya bercuti, berkursus, berseminar dan berada di luar kawasan klinik panel hendaklah mendapatkan rawatan di klinik / hospital kerajaan yang berdekatan.

3.1.3 Kadar rawatan maksimum pesakit luar bagi staf (suami / isteri) dan anak-anak di **Klinik Panel Perubatan adalah RM50.00 sekali rawatan** setiap individu.

3.1.4 Kemudahan rawatan yang **ditanggung** :

3.1.4.1 **Rawatan pre-natal** termasuk jenis rawatan penyiasatan, pemeriksaan air kencing dan pemeriksaan darah.

3.1.4.2 **Pemeriksaan dan Rawatan Ante-natal** :

- (a) Pemeriksaan fizikal ulangan ante-natal ;
- (b) Ujian klinikal asas air kencing dan darah ;
- (c) Pemeriksaan '*ultra sound*' sekali sepanjang tempoh satu kandungan ; dan
- (d) Ubat-ubatan termasuk vitamin, mineral dan diet tambahan yang bukan dalam bentuk makanan dan minuman.

3.1.4.3 **Imunisasi wajib** bagi bayi dan kanak-kanak sebelum berumur 2 tahun terhadap kepada :

- (a) Dua (2) dos suntikan '*Hepatitis B*' ;
- (b) Empat (4) dos suntikan '*Oral Polio*' ;
- (c) Empat (4) dos suntikan '*Difteria Pertusis Tetanus*' (DPT) ;
- (d) Tiga (3) dos suntikan '*Hemophilus Influenza Type B*' (HIB) ; dan
- (e) Satu (1) dos suntikan '*Measles, Mumps, Rubella*' (MMR).

3.1.4.4 **Rawatan penyakit kronik :**

- (a) Penyakit kronik memerlukan rawatan berterusan selama sebulan atau lebih seperti kencing manis, darah tinggi, asma kronik dan sebagainya dengan syarat :
 - i. Doktor panel yang bersetuju merawatnya perlu memaklumkan kepada universiti selepas mengenal pasti masalahnya dan sebelum memulakan rawatan seterusnya ;
 - ii. Staf hanya dibenarkan memilih satu sahaja dari klinik panel universiti bagi rawatan satu penyakit kroniknya dan ia tidak boleh ditukar dalam tempoh sekurang-kurangnya setahun ; dan
 - iii. Preskripsi untuk satu penyakitnya tidak **melebihi RM50.00** sekali rawatan.

3.1.4.5 **Pemeriksaan Perubatan**

- (a) Pemeriksaan perubatan (*Medical Check-up*) termasuk imunisasi wajib, ujian makmal dan x-ray dada boleh dibuat di klinik atas **arahan universiti** bagi tujuan :
 - i. Penawaran jawatan baru.
-

- ii. Melanjutkan pelajaran ke luar negara atau dalam negeri yang diluluskan oleh universiti.
- iii. Menghadiri kursus / latihan yang diluluskan oleh universiti dan memerlukan pemeriksaan perubatan.
- iv. Penyambungan kontrak jawatan yang diluluskan universiti.

3.1.5 Rawatan yang **tidak ditanggung** :

- 3.1.5.1 Rawatan bersalin ;
- 3.1.5.2 Rawatan yang memerlukan pembedahan besar iaitu pembedahan yang memerlukan peralatan yang lengkap serta melibatkan organ dalaman dalam tubuh badan ;
- 3.1.5.3 Perkhidmatan berkhatan ;
- 3.1.5.4 Jenis-jenis penyiasatan (iaitu *x-ray, ultra sound & ECG*) ;
- 3.1.5.5 Ujian darah dan air kencing bagi sakit yang memerlukan rawatan yang berterusan seperti penyakit jantung, darah tinggi dan kencing manis. Bagi rawatan pakar dan penyakit yang berterusan hendaklah dirujuk ke Hospital Kerajaan atau Hospital IPTA ;
- 3.1.5.6 Suntikan imunisasi '*Hepatitis B*' bagi dewasa ; dan
- 3.1.5.7 Suntikan '*Rubella*' bagi dewasa.
- 3.1.5.8 Sebarang vitamin, mineral dan diet tambahan **kecuali** :
 - (a) Untuk rawatan sepanjang tempoh ante-natal ; dan
 - (b) Untuk tempoh kurang dari 14 hari sebagai sebahagian dari rawatan penyakit.

Sumber : Surat Pekeliling
Pentadbiran Bil.8/2007

3.2 Klinik Panel Pergigian / Bukan Klinik Panel Pergigian.

Sumber : Surat Edaran
Pentadbiran Bil.14/2010
: Pamakluman
Penambahbaikan garis
Panduan Klinik Panel
UTeM – Perkara 3 ii),iii)
dan v)

- 3.2.1 Rawatan pergigian bagi staf (suami / isteri) dan anak-anak boleh didapati samada di Klinik Panel Pergigian atau bukan Klinik Panel Pergigian.
- 3.2.2 Kadar rawatan pergigian bagi secara keseluruhannya adalah **maksimum sebanyak RM300.00 setahun.**
- 3.2.3 Pihak universiti tidak akan membayar sebarang tuntutan melalui resit di mana-mana Klinik Panel Pergigian kecuali bukan Klinik Panel Pergigian.
- 3.2.4 Had perbelanjaan rawatan yang melebihi kos yang dibenarkan mesti ditanggung oleh staf sendiri dan sekiranya perlu, potongan gaji akan dibuat.
- 3.2.5 Rawatan di klinik panel pergigian yang ditanggung adalah seperti berikut :
 - 3.2.5.1 Pemeriksaan gigi,
 - 3.2.5.2 Cabut gigi,
 - 3.2.5.3 Tampil gigi.
- 3.2.6 Rawatan Pergigian yang **tidak ditanggung** :
 - 3.2.6.1 Membuat '*crowning*';
 - 3.2.6.2 Membuat gigi palsu ;
 - 3.2.6.3 Penampalan yang dibuat menggunakan logam yang mahal ; dan
 - 3.2.6.4 Rawatan ortodontik bagi tujuan '*corrective measures*' yang merupakan rawatan kecantikan.
- 4.0 BUKU RAWATAN PERUBATAN KLINIK PANEL
 - 4.1 Staf dan tanggungan yang layak, yang ingin mendapatkan rawatan di Klinik Panel yang dilantik oleh pihak Universiti, tidak perlu lagi membawa Buku Rawatan Klinik Panel. Staf atau tanggungan staf

yang layak hanya perlu membawa Kad Pengenalan/Kad Matrik Staf/Kad Pengenalan tanggungan sendiri bagi tujuan pengesahan staf atau tanggungan di Klinik Panel yang dilantik oleh Universiti.

4.2 Oleh itu, Surat Edaran Pentadbiran Bil. 14/2010 bagi Perkara 3. (iv) dan Surat Pekeliling Pentadbiran Bil. 2/2009 bagi perkara 3.2 yang menyebut “Diwajibkan membawa Buku Rawatan semasa mendapatkan rawatan di Klinik Panel” adalah dibatalkan.

4.3 TARIKH KUAT KUASA

- I. Surat Edaran Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Edaran Pentadbiran Bil. 31/2011, Surat Edaran Pentadbiran Bil. 14/2010 dan Surat Pekeliling Pentadbiran Bil. 2/2009.

4.4 PELAKSANAAN

- i. Bagi memastikan segala urusan yang berkaitan berjalan lancar dan berkesan, semua staf UTeM hendaklah mengemaskini maklumat peribadi dan tanggungan staf di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Pendaftar.
- ii. Sehubungan itu juga, dimaklumkan bahawa, sistem ini akan mula digunakan sepenuhnya pada bulan Januari 2012. Oleh itu, pengemaskinian maklumat peribadi dan tanggungan staf hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada atau sebelum 30 Disember 2011.
- iii. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal atau tidak membuat pengemaskinian di dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM), maka pihak Pejabat Pendaftar tidak akan bertanggungjawab seandainya pihak Tuan/Puan gagal mendapatkan rawatan daripada klinik panel yang telah dilantik oleh pihak Universiti.

*Sumber: Pekeliling Surat
Edaran Pentadbiran Bil.
31/2011*

- iv. Oleh yang demikian, beberapa borang perlu diisi oleh staf bagi pengemaskinian maklumat staf dan tanggungan serta perlu dimajukan borang berkenaan bersama dokumen sokongan ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Pendaftar untuk dikemaskini ke dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM).
- v. Borang berkenaan boleh dicapai di halaman Pejabat Pendaftar dicapai <http://www.utem.edu.my/pendaftar/> dan borang yang perlu diisi adalah seperti berikut:
 - Borang Data Suami / Isteri SMK (KB) – 03 diisi oleh staf yang telah berkahwin.
 - Borang Data Kemasukan Data Anak dan Tanggungan SMK (KB) – 04 diisi oleh staf yang baru menerima cahaya mata.
- vi. Bagi tanggungan anak yang telah berumur 18 tahun dan ke atas serta masih menuntut ijazah pertama di universiti, maka staf berkenaan hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada BPSM, Pejabat Pendaftar.
- vii. Seperkara yang berkaitan juga, pada masa kini pihak Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pusat Komputer sedang membangunkan sub modul bagi rawatan pergigian. Oleh yang demikian, pada masa ini rawatan pergigian di klinik panel yang dilantik masih menggunakan Buku Rawatan Klinik Panel sehingga dimaklumkan kelak.

4.5 TARIKH KUAT KUASA

Surat Edaran Pentadbiran ini berkuat kuasa serta merta dari tarikh ia dikeluarkan.

BAHAGIAN F : PERKARA AM

1.0 SIJIL SAKIT

- 1.1 Seorang staf yang sakit dan tidak dapat hadir bertugas, hendaklah mendapatkan sijil sakit dari Pegawai Perubatan Hospital Kerajaan, Pegawai Perubatan Hospital IPTA / Klinik Panel dan perlu menghantar sijil tersebut kepada Ketua Pusat Tanggungjawab. Sijil sakit berkenaan perlu dihantar kepada Pejabat Pendaftar untuk tujuan catatan rekod perkhidmatan.
- 1.2 Seorang staf yang telah diberi **Sijil Sakit** boleh dikehendaki oleh Pegawai Perubatan Hospital Kerajaan, Pegawai Perubatan Hospital IPTA / Klinik Panel, mengikut budi bicaranya mendapatkan **Sijil Sihat** sebelum kembali bekerja.

2.0 PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN UNIVERSITI

- 2.1 Lembaga Perubatan boleh ditubuhkan atas arahan Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- 2.2 Lembaga Perubatan adalah merupakan sekumpulan Pegawai Perubatan yang dilantik bagi mengkaji dan membuat laporan tentang penyakit yang dihidapi oleh staf bagi tujuan menentukan kelayakan cuti sakit, cuti separuh gaji, cuti tanpa gaji dan juga pesaraan atas sebab-sebab kesihatan.
- 2.3 Ahli-ahli Lembaga Perubatan adalah terdiri daripada sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Perubatan dan salah seorang daripada pegawai perubatan tersebut hendaklah pakar atau mahir di dalam bidang penyakit yang dihidapi oleh staf. Ahli Lembaga Perubatan boleh juga dilantik daripada Doktor Prevet / Swasta yang didapati sesuai.
- 2.6 Pihak universiti boleh memohon untuk menubuhkan Lembaga Perubatan jika berlaku salah satu daripada keadaan berikut :

*Sumber : Perintah Am
Bab F (Perubatan)
Perkara 19*

- 2.6.1 Apabila seseorang staf didapati masih tidak sihat setelah menghabiskan semua cuti-cuti sakit biasanya ;
- 2.6.2 Apabila seseorang pegawai perubatan berpendapat bahawa tiada harapan untuk staf menjadi sihat untuk bertugas ;
- 2.6.3 Apabila pada tiap-tiap tahun dalam masa 3 tahun berturut-turut staf itu telah bercuti sakit sebanyak 45 hari atau lebih ;
- 2.6.4 Apabila kesiuman otak atau kesihatan staf diragu-ragukan ;
- 2.6.5 Apabila staf telah tercedera semasa bertugas ;
- 2.6.6 Apabila staf telah disahkan mengidap penyakit tibi, kusta atau barah ; dan
- 2.6.7 Apabila staf atau keluarganya perlu diperiksa untuk mendapatkan rawatan di luar negeri kerana tiada rawatan sedemikian di negeri ini.

3.0 CUTI TANPA GAJI

*Sumber : Surat Pekeliling
Perkhidmatan – Para 5.3
(Cuti Tanpa Gaji)*

- 3.1 Staf yang bercuti tanpa gaji juga termasuk di bawah tanggungan skim ini

4.0 BELANJA PERUBATAN SEMASA BERTUGAS RASMI DI LUAR NEGARA

*Sumber : Pekeliling
Perbendaharaan – Para
5.8 (Belanja Perubatan)*

- 4.1 Seseorang staf yang jatuh sakit semasa bertugas rasmi di luar negara dan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan perubatan adalah layak untuk menuntut Belanja Perubatan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :

- 4.1.1 Belanja Perubatan hendaklah munasabah. Jika terdapat Perkhidmatan Kesihatan Negara di negara berkenaan seberapa boleh hendaklah digunakan ;
- 4.1.2 Belanja Perubatan itu hanya untuk bayaran bagi rawatan perubatan biasa sahaja ;
- 4.1.3 seseorang yang mendapat rawatan wad tidak layak menuntut Elaun Makan dan Bayaran Sewa Hotel / Elaun Logging semasa di dalam hospital tersebut ;
- 4.1.4 Bayaran hospital adalah ditanggung oleh Kerajaan dan staf hanya dikenakan bayaran wad mengikut kadar yang ditetapkan bagi dalam negeri kecuali kecederaan yang berlaku semasa menjalankan tugas rasmi yang mana bayarannya adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan ; dan
- 4.1.5 Di negara yang mewajibkan pengambilan insurans perubatan bagi mendapatkan rawatan hospital, bayaran perimium bagi seseorang staf adalah ditanggung oleh Kerajaan.

5.0 STAF CUTI BELAJAR LUAR NEGARA

- 5.1 Kemudahan perubatan yang diluluskan kepada staf yang bercuti belajar diluar negara adalah melalui peruntukan seperti berikut :
 - 5.1.1 Peruntukan bagi negara yang ada Skim Insuran Kesihatan Tempatan :
 - i) Di Negara-negara terdapatnya skim insuran kesihatan, contohnya di Amerika Syarikat ,staf hendaklah mencarum dibawah skim insuran tersebut meliputi diri dan keluarga ;
 - ii) Tanggungjawab itu termasuklah rawatan bersalin kecuali bagi staf yang disyaratkan untuk mencarum

kepada skim insuran yang ditetapkan oleh institusi tempat pengajiannya ;

- iii) Insuran Kesihatan pakar dibiayai oleh universiti ;
- iv) Universiti akan membayar :
 - Premium insuran bagi staf dan keluarga ;
 - Perbezaan tuntutan rawatan staf dan keluarga yang tidak dibayar sepenuhnya oleh pihak insuran kesihatan berkenaan ; dan
 - Rawatan bersalin yang akan dibayar oleh pihak insuran kesihatan berkenaan sekiranya isteri staf telah sedia mengandung sebelum bertolak ke luar negeri.
- v) Staf hendaklah mengemukakan kepada Univesiti ini salinan perkara-perkara seperti berikut :
 - Kad Ahli Skim Insuran Kesihatan Keluarga ; dan
 - Polisi atau Skim Insuran Kesihatan.
- vi) Tuntutan pembayaran premium insuran kesihatan staf dan keluarga tidak akan dibayar oleh Universiti sehinggalah perkara-perkara di atas diterima oleh Universiti ini.

5.1.2 Peruntukan bagi negara yang tidak terdapat Skim Insuran Kesihatan.

- i) Di negara-negara tidak terdapat Skim Insuran Kesihatan Rawatan yang layak dibayar adalah rawatan perubatan di hospital dan klinik kerajaan ; dan
- ii) Walau bagaimanapun dalam kes kecemasan rawatan di klinik swasta boleh dipertimbangkan.

5.1.3 Rawatan Pergigian

Rawatan Pergigian yang layak dibayar adalah seperti berikut :

- i) Rawatan seperti yang dibayar di bawah skim insuran kesihatan kerajaan ; dan

- ii) Mereka yang mencarum dengan skim insuran selain daripada yang diluluskan oleh universiti. Universiti akan menimbangkan bayaran bagi mencabut gigi sahaja (*dental care for emergency alleviation of pain*).

5.1.4 Tanggungan Bagi Keluarga Staf

- i) Keluarga staf yang tidak mengiringi staf bercuti belajar / melanjutkan pelajaran ke luar negara adalah layak mendapat rawatan perubatan dalam negara di bawah skim perubatan universiti ini.

6.0 STAF CUTI BELAJAR DI DALAM NEGERI

- 5.1 Staf dan tanggungan adalah layak mendapat kemudahan perubatan sebagaimana yang ditetapkan di bawah skim ini. Tempat-tempat di mana tidak terdapat perkhidmatan klinik panel maka staf dan tanggungan hendaklah mendapatkan rawatan dan kemudahan perubatan daripada Hospital Kerajaan sahaja.
- 5.2 Universiti ini tidak akan menanggung bayaran perbelanjaan perubatan atas rawatan yang diperolehi/dijalani dari Klinik Swasta.

7.0 MENINGGALKAN PERKHIDMATAN

- 7.1 Staf yang berhenti dari perkhidmatan, dibuang kerja atau ditahan kerja adalah **tidak layak** mendapatkan kemudahan perubatan di klinik panel berkuatkuasa mulai dari tarikh staf berhenti, tamat perkhidmatan, dibuang kerja atau ditahan kerja.
- 7.2 Staf berkenaan juga diminta untuk **memulangkan** Buku Rawatan Doktor Panel kepada universiti seberapa segera.

8.0 KUASA LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

SKIM KEMUDAHAN PERUBATAN STAF / PESARA

8.1 Lembaga Pengarah Universiti berhak meminda, mengubah, membatalkan atau menambahkan mana-mana atau keseluruhan skim pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya, tertakluk kepada pekeliling-pekeliling semasa.

LAMPIRAN A

RINGKASAN PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.21/2009

BIL	KEMUDAHAN PERUBATAN/ RAWATAN	PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.21/2009	KELULUSAN	CATATAN
1.	Ubat	Ubat tersenarai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	Diperaku - Pegawai Perubatan Kerajaan; Hospital Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Dibenarkan keperluan penggunaan bagi tempoh berpanjangan dan hanya 3 bulan setiap permohonan. ❖ Tidak dibenarkan bagi makanan tambahan (<i>food supplement</i>)
		Ubat selain ubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	<ul style="list-style-type: none"> i. Kelulusan - Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ii. Disahkan – Ketua Jabatan 	
2.	i) Pembekalan Alat*	Melebihi RM1,000.00 perlu direkod dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan/Fail Pesara	Disokong - Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP), Kementerian Kesihatan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Tidak dibenarkan bagi tujuan baikpulih/gantian alat rosak akibat kecuaiian, kosmetik dan rawatan penyakit dihidapi.
	ii) Alat Ortopedik*	Sehingga RM10,000.00	Diluluskan – Ketua Jabatan	-
		Melebihi RM10,000.00	<ul style="list-style-type: none"> i. Disokong - Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ii. Diluluskan – Ketua Jabatan 	
	iii) Anggota Palsu*	Berdasarkan harga siling	Diluluskan – Ketua Jabatan	Jenis Amputasi (harga siling): <ul style="list-style-type: none"> ❖ Bawah lutut RM5,000.00 ❖ Paras lutut RM10,000.00

SKIM KEMUDAHAN PERUBATAN STAF / PESARA

		Melebihi harga siling	<p>i. <u>Diperaku</u> - Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)</p> <p>ii. <u>Diluluskan</u> - Ketua Jabatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Atas lutut RM10,000.00 ❖ 'through hip' RM15,000.00
iv) Kerusi Roda**		Berdasarkan harga siling	<u>Diluluskan</u> - Ketua Jabatan	<p>Jenis Kerusi Roda (harga siling)</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ <i>Standard</i> RM400.00 ❖ <i>Semilight weight</i> RM1,500.00 ❖ <i>Reclining</i> RM1,500.00 ❖ <i>Light weight</i> RM2,000.00 ❖ <i>Tilt-in-space</i> RM3,000.00 ❖ <i>Motorized</i> RM7,000.00
		Melebihi harga siling	<p>i. <u>Diperaku</u> - Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)</p> <p>ii. <u>Diluluskan</u> – Ketua Jabatan</p>	
v) Alat Bantu Pendengaran**		Sehingga RM3,500.00	<u>Diluluskan</u> – Ketua Jabatan tanpa sokongan (BPP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Permohonan kali pertama termasuk kos acuan telinga dan bateri. ❖ Tidak dibenarkan penggantian bateri
		Melebihi RM3,500.00	<p>i. <u>Diperaku</u> - Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)</p> <p>ii. <u>Diluluskan</u> – Ketua Jabatan</p>	
vi) Alat Rawatan Jantung, Alat bantu Pernafasan, <i>Koklea Implan, Colostomy Bag, Urine Bag dan Intraocular Lens</i> **		Tiada had	<u>Diluluskan</u> – Ketua Jabatan	-
vii) Pembekalan Alat-Alat Lain** (Selain dari Alat Ortopedik, Anggota Palsu, Kerusi Roda, Alat Bantu Pendengaran, Alat		Sehingga RM1,000.00	<u>Diluluskan</u> – Ketua Jabatan	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Memerlukan alat/implan jika tidak akan memudaratkan nyawa pesakit. ❖ Tidak mempunyai alternatif lain dalam rawatan penyakit/kecederaan yang dialami.
		Melebihi RM1,000.00	<p>i. <u>Diperaku</u> - Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)</p>	

SKIM KEMUDAHAN PERUBATAN STAF / PESARA

	Rawatan Jantung, Alat Bantu Penafasan, <i>Koklea Implant, Colostomy Bag, Urine Bag Dan Intraocular Lens</i>)		ii. <u>Diluluskan</u> – Ketua Jabatan	
3.	Perkhidmatan Perubatan	CT Scan dan MRI	<u>Diperaku</u> - Pakar Perubatan Kerajaan (PPK)	Sekiranya perkhidmatan perubatan tidak disediakan oleh hospital/klirik kerajaan
		Lain-lain	i. <u>Diluluskan</u> – Ketua Jabatan ii. <u>Sokongan/Perakuan</u> – Rujuk Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	
4.	Penyakit Buah Pinggang (<i>Hemodialisis/CAPD</i>)	RM200.00 bagi setiap rawatan	i. <u>Diperaku</u> - Pakar Nefrologi Kerajaan ii. <u>Diluluskan</u> – Ketua Jabatan	❖ Perbelanjaan bekalan ubat dan alat pakai buang bagi rawatan CAPD dibenarkan jika tidak dibekalkan oleh hospital/klirik kerajaan. ❖ Bagi rawatan AVF dibenarkan jika kelewatan menunggu giliran pembedahan AVF, pembedahan pertama gagal, kemahiran pembedahan hospital/klirik swasta adalah lebih baik.
5.	Rawatan Kemandulan	Rawatan <i>Primary Infertility</i>	i. <u>Rujukan</u> – Disahkan oleh Pegawai/Pakar Perubatan hospital/Klinik Kerajaan/LPPKN. ii. <u>Disahkan</u> – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iii. <u>Diluluskan</u> – Ketua Jabatan	Tidak dibenarkan proses mengandung bukan secara semulajadi (IVF), (GIFT), (ICSI) dan sebagainya Tidak dibenarkan rawatan mengatasi secondary infertility. Boleh dipertimbangkan bagi rawatan sampingan (HSG), X-ray atau pembedahan di hospital/klirik swasta atas rujukan Pegawai Perubatan.
6.	Rawatan Kepakaran Di	Kerajaan bayar 80%	i. <u>Diperaku</u> - Pakar Perubatan	Rawatan tidak disediakan oleh

SKIM KEMUDAHAN PERUBATAN STAF / PESARA

	Hospital/Klinik Swasta	rawatan dan 80% kos makan – caj berasingan Kerajaan bayar 80% rawatan & kos makan – caj bersekali	Kerajaan (PPK) ii. <u>Disahkan</u> - Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia iii. <u>Diluluskan</u> – Ketua Jabatan	Hospital Kerajaan
7.	Rawatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB)	Pesakit telah mendapat rawatan di hospital/klinik kerajaan atau swasta	i. <u>Dirujuk</u> - Pakar Perubatan Umum(Physician)/Pakar Kardiologi hospital/klinik kerajaan atau swasta. ii. <u>Diluluskan</u> - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) – Pindaan berkuatkuasa mulai 1 November 2009 [<i>Surat JPA bertarikh 21 April 2010</i>]	
8.	Rawatan Kecemasan Di Hospital/Klinik Swasta	Kerajaan bayar 80% rawatan dan 80% kos makan – caj berasingan. Kerajaan bayar 80% rawatan & kos makan – caj bersekali	<u>Disahkan</u> - Pakar Perubatan Hospital/Klinik Swasta	Rawatan yang diperlukan secara serta-merta dan tidak boleh dilengahkan bagi menyelamatkan nyawa pesakit.
9.	Rawatan Perubatan Kepakaran Di Luar Negara *	-	i. <u>Disahkan</u> – Lembaga Perubatan UTeM ii. <u>Diperaku</u> - Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia iii. <u>Diluluskan</u> - Jemaah Pegawai Rawatan Luar negeri (Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pengerusi), Ketua Setiausaha Perbendaharaan & Ketua Pengarah Kesihatan (sebagai Ahli)	❖ Rawatan tidak diperoleh dalam Negara) & mempertimbangkan perbelanjaan bagi pengiring. ❖ Rawatan khas diperlukan tiada di kerajaan.

Nota:

* **Tidak** meliputi ibu bapa (Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 Tahun 1993)

** **Tidak** meliputi ibu bapa (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 2009)

Ketua Jabatan yang dimaksudkan adalah Naib Canselor. Walaubagaimanapun Naib Canselor boleh menurunkan kuasa kepada mana-mana pegawai yang diberi kuasa iaitu Pendaftar

	Jenis Permohonan Perbelanjaan	Dokumen Sokongan Yang Diperlukan
--	-------------------------------	----------------------------------

LAMPIRAN B
PANDUAN BAGI DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DI SERTAKAN
DALAM PERMOHONAN KEMUDAHAN PERUBATAN:

SKIM KEMUDAHAN PERUBATAN STAF / PESARA

		*Surat Pengesahan Pegawai/Pakar Perubatan	**Surat Pengesahan Kementerian Kesihatan Malaysia	Surat Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia	***Surat Pengesahan Institusi Pendidikan /Pengajian Tinggi	Dokumen Kewangan
1.	Pembekalan Ubat	√	√		√	√
2.	Pembekalan Alat Ortopedik	√	√		√	√
3.	Pembekalan Anggota Palsu	√	√		√	√
4.	Pembekalan Kerusi Roda	√	√		√	√
5.	Pembekalan Alat Bantu Pendengaran	√	√		√	√
6.	Pembekalan Alat Rawatan Jantung/Alat Bantu Pernafasan/Koklea Implan/Colostomy Bag/Ureni Bag/Intraocular Lens	√	√		√	√
7.	Pembekalan Alat-alat Lain	√	√		√	√
8.	Perkhidmatan Perubatan	√	√		√	√
9.	Rawatan Penyakit Buah Pinggang	√			√	√
10.	Rawatan Kemandulan	√				√
11.	Rawatan Kepakaran	√		√	√	√
12.	Rawatan Di Institut Sdn.Bhd Negara	√			√	√

Nota:

* sekiranya perlu sahaja

** Sila rujuk Panduan Pelaksana Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan seperti di **Lampiran B** untuk mengenal pasti keperluan dokumen sokongan.

*** Dokumen sokongan bagi permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan untuk anak yang berumur melebihi daripada 18 tahun tetapi tidak melebihi 21 tahun sahaja.

LAMPIRAN C

SENARAI KLINIK PANEL PERUBATAN

MELAKA

Poliklinik Perdana (Ayer Keroh)

No. 10 Jalan TU 2,
Taman Tasik Utama
75450 Ayer Keroh Melaka
Tel : 06 2312959

**Hidayah Medic Sdn. Bhd
(Poliklinik Hidayah)**

No. 40. Jalan Mutiara Melaka 2,
Mutiara Melaka, Batu Berendam,
75350 Melaka.
No. Tel : 06-3172214

Poliklinik Mesra

No. 88 Jln TU 42,
Taman Tasik Utama,
75450 Ayer Keroh, Melaka
Tel : 06 2328575

Poliklinik & Surgeri Lee John

5102 Taman Berendam,
Batu Berendam 75350 Melaka
Tel : 06 3173975

Klinik Dr. Nik & Zaleha Sdn. Bhd

G 12, Bangunan Kings Hotel
Lebuh Ayer Keroh, 75450
Ayer Keroh Melaka
Tel : 06 2316545

Pusat Rawatan An- Nur

MA-0-09, Jalan SB Utama,
Taman Seri Bayan, Durian Tunggal,
76100 Melaka.
Tel : 06-5532818

Poliklinik Wahidah

G-8, Jalan KC1, Kota Cemerlang,
75450 Ayer Keroh, Melaka,
Tel : 06- 2519500

Klinik Ayer Keroh

No. 25 Lorong Setia Satu
Ayer keroh Heights, Ayer Keroh
75450 Melaka
Tel : 06 2326404

Azhali Medik Sdn. Bhd

No. 7 Jalan BU 5
Taman Bachang Utama
75250 Melaka
Tel : 2881370

Poliklinik Nazmir 24 Jam

No. 27 Jalan M1, Taman Merdeka
75350 Batu Berendam, Melaka
Tel : 06 3170453

**Klinik Mawar dan Pembedahan (Melaka)
Sdn. Bhd**

29 Jalan Tun Perak
75300 Bachang Melaka
Tel : 06 2827029

Klinik Srimas & Surgeri

No. 39 Jln CP 1/21A
Taman Cheng Perdana
75250 Cheng Melaka
Tel : 06 3124537

Klinik Utama & Surgeri

651-B, Jln Delima 6
Taman Bukit Melaka
Bukit Beruang 75450 Melaka
Tel : 06 2320300

Klinik Dr. Habsah

Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn.

No. 5 Jalan STM 1
Taman Seri Tanjung Minyak
75250 Tanjung Minyak Melaka
Tel : 06 3345466

Bhd
Jalan Bendahara 75100 Melaka
Tel : 06 2835888

Klinik Saujana
No. 57 Jalan Saujana 2/2
Taman Saujana Seksyen 2
75450 Melaka
Tel : 06 2314128

Kumpulan Medik Al'Azhim
A-0-10 Pangsapuri Seri Siantan Bukit
Baru
75150 Melaka
Tel : 06 2847582

Klinik Amal & Surgeri Sdn. Bhd
No. 9 Pusat Niaga Bukit Katil,
Jalan Tun Kudu, Bukit Katil
75450 Melaka
Tel : 06 2316060

Klinik Amrah & Zaliha Sdn. Bhd
No. 8 Jalan Hang Tuah,
75300 Melaka
Tel : 06 2835339

Klinik Amal & Surgeri
No. 9 Jalan Seri Emas 1
Taman Seri Telok Mas
Telok Mas 75460 Melaka
Tel : 06 2617869

Klinik Amal & Surgeri Sdn. Bhd
No. 5 Jalan SP 1
Taman Semabuk Perdana, Melaka
Tel : 06 2828726

Klinik Al'Azhim Telok Mas
No.10 Jln Seri Emas 2
Taman Seri Telok Emas
75460 Melaka
Tel : 06 2617300

Klinik Keluarga Dr. Fauziah
No. 5 Jalan Sri Duyung ½,
Taman Seri Duyung, Seksyen 1,
75460 Melaka
Tel : 06 2686346

Klinik Dr. Jasniah
C-G-07, Blok C
Pangsapuri Bukit Beruang,
75450 Melaka
Tel: 06 2311866

Klinik Al'Azhim Klebang
No. 36 Jln Nirwana 2,
Taman Nirwana Batang 3
76400 Melaka
Tel : 06 3153707

Klinik Dr. Zanawati
JA 6128 Tingkat Bawah,
Fasa 1B Taman Maju
77000 Jasin Melaka

Klinik Ihsan & Siti Sdn. Bhd
No. 411 Lot 8667
AG Kompleks Perniagaan
78000 Alor Gajah Melaka

Tel : 06 5296655

Tel: 5562757

Poliklinik Hidayah

JA 9934 Bandar Baru Jasin III
77000 Jasin Melaka
Tel : 06 5298594

Klinik Noor Shila

No. 30 Jalan Anggerik
Taman Seri Bayu
78000 Alor Gajah, Melaka
Tel : 06 5563351

Klinik Keluarga

No. 7198-C Batu 13
Sungai Udang 76300 Melaka
Tel: 06 3512720

Klinik Noh

MT 700, Kompleks Perniagaan
78300 Masjid Tanah, Melaka
Tel: 06 3844926

Poliklinik Rakyat

No 20 (8554) Wisma Haji Sulung Siban
78300 Masjid Tanah Melaka
Tel : 06 3841541

Klinik Dr. Mariam 24 Jam Poliklinik & Surgeri

JB 2858 Jalan Debunga 1
Taman Debunga, Merlimau
77300 Merlimau, Melaka
Tel : 06 2631300

Klinik Dr. Jamaludin & Surgeri

Batu 14 ½ Jalan Jasin
77300 Merlimau Melaka
Tel: 06 2635887

\

Kumpulan Medik Al'Azhim, Klinik Al'Azhim
A16 Tampin Square, Jln Besar Tampin
73000 Negeri Sembilan
Tel : 06 4419264

Poliklinik Anjung Karisma
31-G, Betaria Business Centre,
Jln. Dato Siamang Gagap,
70100 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel : 06-7675494

SELANGOR

Klinik Amal Poliklinik & Surgeri
No.6 Jalan Seri Putra 3/13
Bandar Seri Putra Bangi,
43000 Kajang, Selangor

JOHOR

Poliklinik Utama
No. 5-13 Jalan Ibrahim,
84000 Muar Johor
Tel : 06 9523306

LAMPIRAN D

SENARAI KLINIK PANEL PERGIGIAN

Klinik Pergigian Impian

No. 47-A (1st Floor), Jln PMS 1,
Plaza Melaka Sentral,
75400, Melaka Sentral, Peringgit, Melaka.
Tell/ fax : 06-2826653

Klinik Pergigian Raihann

SU 951, Jalan Bandar baru 6,
Taman Bandar Baru,
78300 Masjid Tanah, Melaka.
Tel : 06-3846268

Klinik Pergigian Persona

1-8F, Komplek Mara.
Jalan Hang Tuah,
75300 Melaka
Tel/ Fax : 06-2841693

Klinik Yakin Pergigian

No. 12, Bangunan Arked Bandar
Tangkak,
84900Tangkak, Johor Darul Takzim.

Klinik Pergigian Telok Mas

9-1, Jalan Seri Emas Utama, Taman Seri
Telok Emas, 75460 Melaka.
Tel : 06-2616337

Klinik pergigian Batrisya

No.10 Jalan Inang 1, Taman Paya
Rumput Utama, 76450, Cheng Melaka
Tel: 06-3354496

ALAMAT INSTITUT JANTUNG NEGARA MALAYSIA SDN. BHD

Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.

No. 145 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur

Amputasi	Pembedahan pemotongan sebarang anggota badan atas sebab kesihatan/perubatan
BPP	Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia.
Doktor Panel	Pengamal Perubatan swasta yang dilantik oleh universiti di bawah klinik panel.
GL	' <i>Guarantee Letter</i> ' atau Surat Jaminan Perubatan.
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia.
Klinik Panel Perubatan dan Pergigian	Klinik swasta yang dilantik oleh universiti untuk memberi khidmat perubatan kepada staf.
Lembaga Pengarah	Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). <ul style="list-style-type: none">• <i>Pengerusi;</i>• <i>Naib Canselor;</i>• <i>Tiga (3) orang wakil mereka , yang mewakili Kerajaan;</i>• <i>Seorang yang mewakili masyarakat di tempat dimana universiti itu terletak; dan</i>• <i>Tidak lebih dari tiga (3) orang yang dengan pengetahuan atau pengalaman mereka boleh, pada pendapat Menteri, membantu Lembaga, dan sekurang-kurangnya seorang daripada mereka hendaklah daripada sektor swasta.</i>
Naib Canselor	Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
Pegawai Perubatan	Seorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia.

*Sumber : Akta
Universiti dan Kolej
Universiti 1971
(Perlembagaan
Universiti Teknikal
Malaysia Melaka)-
Perkara 16*

PPK Pegawai Perubatan Kerajaan.

Universiti Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

RUJUKAN

1. **Perintah Am Bab F** – *Perubatan (Fasal (2) Perkara 132 Perlembagaan, Berkuatkuasa 1 Mac 1974)*
2. **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/1993** – *Kemudahan Perubatan Untuk Ibu Bapa yang Sah*
3. **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/2001** – *Pelaksanaan Kemudahan Perubatan*
4. **Pekeliling Pentadbiran Bil. 15/2001** – *Skim Perkhidmatan Perubatan Staf Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia*
5. **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2003** – *Pemeriksaan Kesihatan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam*
6. **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003** – *Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Anggota Tentera Dan Anggota Polis)*
7. **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8/2004** - *Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Berada Di Luar Negara Atas Urusan Persendirian*
8. **Pekeliling Pentadbiran Bil. 8/2007** – *Rawatan Pergigian Staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka*
9. **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21/2009** – *Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan*
10. **Surat Pekeliling Pentadbiran Bil. 2/2009** – *Pindaan Di Dalam Skim Perkhidmatan Perubatan Staf UTeM (Bahagian C Perkara 3.2 Tentang Pemilihan dan Pendaftaran Staf Di Klinik Panel*
11. **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/2010** – *Pemansuhan Bayaran wad Kepada Peagwai Dan Pesara Perkhidmatan Awam*

12. **Surat Edaran Pentadbiran Bil. 14/2010** – *Pemakluman Penambahbaikan Garis Panduan Klinik Panel Pergigian Universiti Teknikal Malaysia Melaka*
13. **Surat JPA bertarikh 21 April 2010** – ***Pindaan*** **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21/2009** *Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan bagi **Rawatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB)***
14. **Surat Pekeliling Pentadbiran Bil. 6/2010** – *Pemberian Bayaran Insentif Penempatan Sabah, Sarawak Atau Labuan, Bayaran Intensif Perumahan Sabah, Sarawak Atau Labuan Dan Pemanjangan Kemudahan Perubatan Kepada Pegawai Bukan Warganegara Yang Dilantik Secara Kontrak (Contract Of Service)*
15. **Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971** – *Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka*